

13 MAY 1998

Dompok-Jawatan

TIADA PERMUSUHAN ANTARA PDS AND PBRS, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 13 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS) Tan Sri Bernard Dompok hari ini menafikan wujudnya "permusuhan" antara parti beliau dengan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) yang diketuai oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup.

Tiada perbalahan antara kedua-dua parti, kedua-duanya komponen Barisan Nasional (BN) Sabah, tetapi orang ramai sering membuat spekulasi dan memikirkan benda-benda yang tidak wujud, kata beliau.

"Tiada perbalahan seperti yang dipaparkan oleh media," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet negeri.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai laporan di sebuah akhbar harian hari ini yang menyatakan permusuhan antara kedua-dua parti sejak kebelakangan ini telah meningkat sampai menimbulkan rasa sakit hati pada kedua-dua pihak.

Laporan itu yang memetik sumber-sumber yang tidak dinamakan antara lain berkata, permusuhan yang dimaksudkan itu adalah kerana perlantikan Ketua Menteri yang baru dari masyarakat Bumiputera bukan Islam yang diwakili oleh kedua-dua parti itu.

Dompok dan Kurup dikatakan calon-calon bagi jawatan itu yang kini disandang oleh Datuk Yong Teck Lee yang tempoh perkhidmatannya berakhir hujung bulan ini.

Ditanya mengenai hubungan beliau dengan Kurup, Dompok yang juga Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri berkata hubungan itu adalah seperti biasa.

"Kita tahu apa yang tertulis di akhbar dan kita tidak mahu bereaksi seperti mana yang dihendaki oleh media," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dalam lawatan singkatnya ke Sabah minggu lepas berkata, beliau akan mengumumkan nama Ketua Menteri yang baru selepas pulang daripada menghadiri sidang kemuncak G-15 di Cairo.

Dompok berkata, beliau sedar yang terdapat laporan-laporan media mengenai penggiliran jawatan itu yang "nakal" dan boleh menimbulkan pergeseran jika dipandang serius dan oleh itu ahli-ahli politik mesti memastikan perkara seperti itu tidak berlaku.

-- BERNAMA

JS PR